

KENYATAAN MEDIA

27 FEBRUARI 2020

Untuk Edaran Segera

USAHA TERAJU DALAM MEMPERKASAKAN EKONOMI BUMIPUTERA DI PANTAI TIMUR SEMENANJUNG

27 Februari 2020, KOTA BHARU, KELANTAN – Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), En Md Silmi Abd Rahman yang mewakili YB Dato’ Seri Mustapa Mohamed telah mengadakan sesi perkongsian dan dialog bersama 150 usahawan Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang diadakan di Hotel Grand Renai Kota Bharu, Kelantan. Turut hadir pada sesi tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), YBrs En Baidzawi Che Mat.

Sesi dialog ini adalah sebahagian daripada program turun padang TERAJU di seluruh negara. Di Pantai Timur, TERAJU bekerjasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) untuk memacu pelaburan dan pengembangan perniagaan kaum Bumiputera yang dilaksanakan sejak tahun 2012. Pelbagai program telah dilaksanakan antaranya Dana Mudahcara, Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB) dan Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) bagi memperkasakan kemakmuran ekonomi Bumiputera di Pantai Timur Semenanjung.

Program **Dana Mudahcara** merupakan salah satu daripada program utama (“*flagship program*”) TERAJU yang diperkenalkan pada tahun 2011. Sebanyak RM157 juta geran Dana Mudahcara TERAJU telah diperuntukan kepada 110 buah syarikat Bumiputera untuk 126 buah projek dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.08 bilion program ini berjaya mewujudkan hampir 10,000 peluang pekerjaan dengan 90% pekerja Bumiputera.

Selain daripada itu, pelaburan yang melibatkan pembangunan infrastruktur dalam sektor hartanah di kawasan pedalaman dan tanah rizab Melayu telah berjaya meningkatkan nilai hartanah tersebut. Sebagai contoh, kewujudan pembangunan perumahan PR1MA di Kampung Hijrah Kuantan, Pahang oleh

Binaan Desjaya Sdn Bhd telah meningkatkan harga tanah Rizab Melayu di persekitarannya sebanyak 30% setelah fasa pertama projek perumahan itu siap dan diduduki oleh pembeli. Program ini juga telah membantu kebanyakan pemain industri minyak, gas dan petrokimia (OGP) terutamanya di kawasan Kemaman, Gebeng dan Kuantan untuk terus bertahan dan berdaya saing dengan syarikat bukan Bumiputera walaupun berdepan dengan masalah ketidaktentuan harga minyak mentah pada tahun 2017 dan 2018.

Bagi mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) dalam menangani jurang pendapatan dan ekonomi penduduk terutamanya B40 dan M40, pihak TERAJU telah memperuntukan sebanyak RM7.5 juta bagi membangunkan Program **Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB)** di wilayah Pantai Timur Semenanjung yang merangkumi Negeri Pahang, Terengganu, dan Kelantan bagi tahun 2020. Program ini memberi fokus kepada pembangunan projek-projek komuniti untuk golongan Bumiputera B40 di kawasan luar bandar. Bagi menjayakan program ini, pihak TERAJU akan berkolaborasi dengan universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Di antara contoh – contoh projek DPUB sebelum ini adalah program Bantuan Pembelian Peralatan bagi Menjalankan Perniagaan yang bernilai RM2.7 juta, Skim Bantuan Pinjaman Mikro bersama Maybank (RM3.7 juta) dan Bantuan Ladang Kontrak bagi Peladang dan Penternak Satelit di bawah ECERDC (RM2.0 juta).

Untuk golongan belia Bumiputera pula, TERAJU telah mewujudkan program **Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB)** pada tahun 2014 yang berasaskan pertandingan (*business pitching*) untuk mencungkil dan mengenengahkan usahawan permulaan belia Bumiputera yang berdaya saing dan mempunyai inovasi-inovasi baru serta menerapkan amalan kreatif dan inovatif dalam penghasilan produk dan perniagaan mereka.

TERAJU telah mengenal pasti dan membantu seramai 227 usahawan permulaan belia Bumiputera di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 17 adalah pemenang

daripada Kawasan Pantai Timur. Sebanyak RM92.76 juta diperuntukan kepada mereka untuk memajukan idea, inovasi dan perniagaan yang diusahakan dalam bidang ekonomi digital, Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), perusahaan industri dan perkongsian ekonomi, kreatif, industri seni dan kesihatan, inovasi makanan serta perniagaan tani dan berasaskan tani

Kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memperuntukan sebanyak RM15 juta kepada TERAJU bagi pelaksanaan Program SUPERB untuk Tahun 2020. TERAJU kini di dalam proses akhir perancangan dan dijangka tempoh permohonan akan dibuka pada akhir bulan April 2020. Program berasaskan pertandingan ini menawarkan hadiah berupa Geran Pembangunan Perniagaan sehingga RM500,000.00 kepada usahawan-usahawan belia Bumiputera berumur di antara 21-40 tahun.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, En Md Silmi Abd Rahman “Pelaksanaan program dan inisiatif TERAJU dalam memperkasakan ekonomi Bumiputera di Pantai Timur Semenanjung ini telah memberi impak yang memberangsangkan dan signifikan. Dalam pada itu, TERAJU akan terus lebih proaktif mengenal pasti peluang bagi usahawan Bumiputera terutama dalam sektor ekonomi baharu yang mempunyai nilai dan impak tinggi. Tumpuan khusus akan diberikan kepada sektor ekonomi baharu membabitkan bidang seperti bioperubatan, bioteknologi, aeroangkasa, perladangan pintar (*smart farming*), industri digital dan logistik.”

Sesi perkongsian dan dialog ini adalah sebagai usaha TERAJU untuk mendapat maklum balas bagi memahami situasi dan isu-isu perancangan di peringkat pelaksanaan terutamanya dalam memperkasakan pembangunan ekonomi khususnya golongan B40 selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030) negara yang ditunjangi oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ia juga bertujuan untuk TERAJU merangka program-program baru bagi tahun 2020 dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

- TAMAT -

MENGENAI TERAJU

TERAJU, Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Agenda Bumiputera ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Kini, TERAJU merupakan agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkukuhkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkukuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
Aras 5, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU7/3
Mutiar Damansara, 47810 Selangor Darul Ehsan
T: +603 7839 8000 | F: +603 7839 100 | M: 019 966 2717
E: siti.zubaidah@teraju.gov.my | W: www.teraju.gov.my

Atau

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) @ ECER
c/o Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)
Tingkat 2, B8002, Sri Kuantan Square
Jln Teluk Sisek, 25100 Kuantan, Pahang.
T/P: 09-5130310, Fax: 09-5131864
E: suhaimi@teraju.gov.my atau khairul.fikri@teraju.gov.my